

08 JUN 1998

Muhammad-Dakwa

MUHAMMAD AKAN DIDAKWA KERANA GAGAL ISYTIHAR HARTA

KUALA LUMPUR, 8 Jun (Bernama) -- Bekas Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Muhammad Taib akan didakwa di Mahkamah Sesyen di sini Rabu ini berkaitan kegagalan mengisytiharkan semua hartanya mengikut Akta Pencegahan Rasuah.

Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah berkata hari ini setelah mengkaji dan meneliti semua keterangan hasil siasatan Badan Pencegah Rasuah (BPR) beliau berpuas hati terdapat bukti prima facie terhadap Muhammad.

Oleh yang demikian, katanya, beliau telah mengeluarkan izin untuk mendakwa Muhammad mengikut Seksyen 25(2) Akta Pencegahan Rasuah 1961.

"Saman telahpun diperolehi daripada Mahkamah untuk disempurnakan terhadap Y.B. Tan Sri Muhammad bin Muhamad Taib dan seterusnya kes ini akan disebutkan di Mahkamah Sesyen pada hari Rabu bersamaan 10 Jun 1998, jam 9 pagi," katanya dalam kenyataan di sini.

Kenyataan Peguam Negara sepanjang empat perenggan dalam dua muka surat itu ditandatangani oleh Pegawai Khas Kepada Peguam Negara Shamsuddin Haji Hassan, bagi pihak Peguam Negara.

Mohtar berkata beliau selaku Pendakwa Raya Malaysia mengeluarkan izin untuk mendakwa bekas Menteri Besar Selangor itu berdasarkan hasil siasatan bahagian pertama siasatan BPR mengenai satu aduan terhadap Muhammad.

Katanya aduan itu telah dibuat di Balai Polis Sentul pada 28 Jun 1997 kerana disyaki melakukan kesalahan mengikut Akta Pencegahan Rasuah. Beliau tidak menyatakan siapa yang membuat aduan berkenaan.

Bahagian pertama penyiasatan itu adalah berkaitan kegagalan Muhammad mengisytiharkan semua hartanya seperti yang diperuntukkan mengikut Seksyen 25(2) Akta Pencegahan Rasuah 1961 (Undang-undang Malaysia Akta 57), katanya.

Bahagian kedua penyiasatan pula adalah tertumpu kepada kesalahan-kesalahan berkaitan mengikut Akta Pencegahan Rasuah 1998 (Undang-undang Malaysia Akta 575) yang berkuatkuasa pada 8 Jan tahun ini, katanya.

Mohtar berkata kertas siasatan bahagian pertama penyiasatan berhubung dengan kes itu telah diterima oleh Ketua Bahagian Pendakwaan, Jabatan Peguam Negara pada 1 Jun ini.

Pada 29 Mei lepas Muhammad dibebaskan oleh Mahkamah Daerah Brisbane, Australia daripada dua tuduhan membuat perisytiharaan palsu mengenai wang yang dibawanya semasa memasuki Australia pada 16 Dis 1996 serta gagal mengisytiharkan lebih A\$1.26 juta (RM2.9 juta) ketika mahu berlepas ke New Zealand enam hari kemudian.

Semasa perbicaraan kes itu beliau telah memberitahu mahkamah daerah Brisbane yang beliau menggunakan nama isterinya Puan Sri Asbi Rohani Hasnan untuk membeli beberapa harta bernilai berjuta-juta ringgit di Australia dan New Zealand.

Harta-harta itu ialah tanah bernilai A\$460,00 dan banglo yang juga bernilai A\$460,000 di Sovereign Island, Gold Coast; sebuah ladang bernilai A\$3.7 juta di Currajong, kedua-duanya di Australia, dan dua bidang tanah dan sebuah rumah di New Zealand bernilai lebih NZ\$4 juta.

Pengumuman Jabatan Peguam Negara mengenai tindakan terhadap Muhammad itu dibuat beberapa jam sebelum Majlis Tertinggi UMNO dijadual mengadakan mesyuarat bulanannya di sini malam ini yang dijangka membincangkan antara lain kedudukan bekas Menteri Besar itu dalam parti.

Muhammad telah mengambil cuti daripada jawatan Naib Presiden UMNO

berikutan kesnya di Australia.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sekembalinya dari lawatan ke Jepun pada Jumaat lepas telah berkata beliau akan menyemak sama ada Muhammad telah mengisytiharkan semua hartanya kepada beliau sebelum ini.

-- BERNAMA  
ZKS TCL NMO